**GARIS PANDUAN KEBENARAN PENGIMPORTAN KENDERAAN PERDAGANGAN BAGI MEMBANTU INDUSTRI PELANCONGAN UNTUK MENINGKATKAN KUALITI PERKHIDMATAN DAN PRODUKTIVITI PELANCONGAN PASCA PANDEMIK COVID-19**

1. **Kelayakan**

(i) Permohonan dikemukakan oleh syarikat *operator* yang memiliki **lesen agensi pelancongan *Inbound*** dan **permit bas persiaran** sahaja;

(ii) Hanya kenderaan perdagangan baharu sahaja dipertimbangkan tertakluk kepada syarat berikut:

a. bagi model kenderaan dipohon yang ada **dipasang** atau seumpamanya di Malaysia, syarikat hendaklah **membelinya dari pasaran tempatan**; dan

b. kelulusan hanya terhad kepada kenderaan mesra alam iaitu sekurang-kurangnya menggunakan **Diesel Euro 5 ke atas**; dan

c. Pertimbangan adalah secara *case-by-case basis*.

(iii) Tempoh sahlaku pengimportan dibenarkan adalah **mulai 1 Januari hingga 31 Disember 2023** sahaja.

2. **Kaedah Permohonan**

Permohonan dikemukakan kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri melalui alamat berikut:

**Pengarah**
**Seksyen Kawalan Eksport dan Import**
**Aras 7, Menara MITI**
**No. 7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah**
**50480 KUALA LUMPUR**

3. **Syarat-syarat Lesen Import (AP)**

(i) Didaftarkan atas nama syarikat pemohon (memiliki lesen **agensi pelancongan *Inbound*** dan **permit bas persiaran**);

(ii) Disertakan dokumen ***Certificate of Origin/Registration***; dan

(iii) **Tidak boleh ditukar hak milik selama 5 tahun**. Sebarang pengurangan duti import perlu **dibayar sepenuhnya** sekiranya syarikat bercadang untuk menjual kenderaan selepas tempoh itu.

**SENARAI SEMAK PERMOHONAN LESEN IMPORT (AP)**
**BAGI KENDERAAN PERDAGANGAN PERLANCONGAN TAHUN 2023**

**TIDAK BOLEH DITUKAR MILIK SELAMA 5 TAHUN**

| Bil. | Dokumen Wajib | Ada/Tiada |
|---|---|---|
| (i) | Surat permohonan rasmi daripada syarikat<br><br>Antara maklumat di surat permohonan:<br>- Perincian kenderaan seperti jenama, model, kuantiti, negara diimport;<br>- Tujuan pengimportan seperti kegunaan kenderaan;<br>- Maklumat wakil syarikat yang boleh dihubungi serta nombor telefon; dan<br>- Lain- lain maklumat berkaitan. | |
| (ii) | Profail syarikat | |
| (iii) | Lesen Agensi Pelancongan *Inbound* atau Lesen Permit Bas Persiaran | |
| (iv) | Lesen perniagaan/ operasi | |
| (v) | Spesifikasi kenderaan<br><br>(Sekurang-kurangnya menggunakan Diesel Euro 5 ke atas) | |
| (vi) | Gambar/ Katalog kenderaan | |

Permohonan dikemukakan kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri melalui alamat berikut:

**Pengarah**
**Seksyen Kawalan Eksport dan Import (SKEI)**
**Aras 7, Menara MITI**
**No. 7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah**
**50480 KUALA LUMPUR**

**atau**

**Emel kepada Pengarah SKEI dan Unit AP Luar Kuota**
**ahmadazrai@miti.gov.my dan apluarkuota@miti.gov.my**

Tarikh kemaskini 12 Oktober 2022